

## **PEMULIHAN MASALAH SOSIAL REMAJA MENURUT KERANGKA SIASAH SYARIYYAH: TINJAUAN DI PUSAT PEMULIHAN MAIS**

Zanariah bt Dimon

Pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-undang, Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS  
Tel No.: 0129135268, Email: zanariah@kuis.edu.my

Nurzatil Ismah bt Azizan

Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS  
Tel No.: 0134699794, Email: nurzatil@kuis.edu.my

Nazneen binti Ismail

Pensyarah Jabatan Usuluddin dan Dakwah , Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS  
Tel No.: 0192360477, Email: nazneen@kuis.edu.my

Sahlawati bt Abu Bakar

Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS  
Tel No.: 0196015308, Email: sahlawati@kuis.edu.my

Nurul Husna bt Mohd Jabar

Pembantu Penyelidik

Tel No.: 01119463595, Email: nuruhusnam.jabar@gmail.com

### **ABSTRAK**

*Kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di negara ini semakin menggerunkan apabila statistik menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana meningkat sebanyak 111 peratus dalam tempoh setahun. (Kosmo: 2 Oktober 2014). Statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan sebanyak 7,816 kes dicatatkan pada tahun 2013 berbanding hanya 3,700 kes pada 2012 iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 4,116 kes. (Kosmo: 2 Oktober 2014, Berita Harian: 4 Mei 2014). Ini menunjukkan masalah sosial dalam masyarakat sekarang adalah di tahap yang sangat membimbangkan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kepada pemerintah untuk menyelesaikan permasalahan tersebut menurut kerangka siasah syariyyah. Ini menepati prinsip tanggungjawab pemerintah untuk menjamin maqasid syariah melalui penjagaan lima unsur utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Permasalahan sosial berkait rapat dengan kerosakan terhadap aspek agama, akal dan keturunan yang perlu diatasi secara berkesan melalui kuasa pemerintah. Kajian ini bertujuan meninjau penubuhan pusat pemulihan di bawah kendalian Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai kaedah alternatif dalam menyelesaikan permasalahan sosial yang semakin meningkat kini. Kajian dijalankan dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen dan metode temubual terhadap penguasa dan pelatih di pusat pemulihan tersebut. Hasil kajian menunjukkan penubuhan pusat pemulihan tersebut menepati kerangka siasah syariyyah berkaitan tugas dan tanggungjawab pemerintah dalam menjamin kepentingan dan kemasyhahatan umat Islam. Terdapat sejumlah kaedah pemulihan yang diterapkan melalui pembentukan pelbagai kaedah dan aktiviti mencakupi aspek jasmani dan rohani. Implikasi dan beberapa cadangan untuk penambah baikan kuasa pemerintah dari aspek undang-undang dan kaedah pemulihan juga diberikan.*

**Kata kunci:** pemulihan, pusat pemulihan, masalah sosial

### **1. Pendahuluan**

Statistik menunjukkan Selangor mencatat angka yang besar dalam jenayah kekerasan iaitu 7,853 kes pada tahun 2010 dan 8,141 kes pada tahun 2011. (<http://www.roketkini.com>) Jenayah kecurian yang melibatkan harta benda meningkat dari 31,838 kepada 36,161 kes dalam tempoh yang sama. Statistik jenayah dalam kalangan pelajar di Selangor pula pada

tahun 2013 mencatat jumlah 873 manakala statistik dari Januari hingga Mac 2014 mencatat 135 orang ([www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)).

Bagi membantu pihak berkuasa menyelesaikan masalah tersebut, pelbagai kaedah alternatif telah dilaksanakan termasuk pendekatan pemulihan di pusat-pusat perlindungan akhlak persendirian di negeri Selangor. MAIS sendiri mempunyai dua buah pusat perlindungan iaitu Pusat Pemulihan Wanita Baitul Ehsan di Sabak Bernam dan Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman di Ulu Yam. Di samping itu, terdapat 17 buah pusat perlindungan persendirian yang bernaung di bawahnya. Antaranya ialah Raudatussakinah, Rumah Kebajikan PERKID, Baitul Islah PERHID Shah Alam dan Rumah Sahabat SIDIM. Meskipun berbeza dari sudut sasaran pelatih dan bentuk pemulihan yang dijalankan, kesemua pusat ini bertujuan untuk membantu para pelatih ke arah memperbaiki kehidupan mereka. ([www.mais.net.my](http://www.mais.net.my) 3 November 2015)

Kajian ini memfokuskan kaedah pemulihan yang dilaksanakan oleh pihak berwajib dalam kerangka siasah syar'iyyah khususnya bagi menjamin maqasid syariah dalam penjagaan diri dan agama yang melibatkan permasalahan sosial dalam kalangan remaja. Permasalahan remaja sering dikaitkan dengan perilaku delinkuen iaitu kesalahan sosial tahap sederhana. Umumnya, mereka ini dianggap sebagai golongan yang suka memberontak dan tidak mematuhi undang-undang serta terjerumus dalam kesalahan dan jenayah seperti mencuri, penyalahgunaan dadah, gangsterisme dan vandalisme.

## 2. Masalah Sosial di Malaysia

Masalah sosial dalam kalangan remaja di Malaysia adalah pada tahap yang membimbangkan. Menurut laporan media pada tahun 2005, golongan pelajar dan remaja di Selangor, Pulau Pinang dan Terengganu paling ramai terlibat dalam kes jenayah bagi tempoh enam bulan pertama. Jenis kesalahan paling banyak dilakukan oleh pelajar dan remaja adalah jenayah harta benda terutama pecah rumah iaitu, 1,263 kes dan jenayah kekerasan termasuk membunuh, cubaan membunuh dan mencederakan orang lain (Utusan Malaysia: 2010).

Berdasarkan statistik kes juvana dari tahun 2006 sehingga 2010, Selangor mencatatkan kes tertinggi bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2006 dan 2007. Walaupun berlaku penurunan kes pada tahun berikutnya, langkah pencegahan perlu sentiasa dilakukan. Manakala statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan pada tahun 2013 berbanding hanya 3,700 kes pada 2012 iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 4,116 kes. (Kosmo: 2 Oktober 2014, Berita Harian: 4 Mei 2014). Kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di negara ini semakin menggerunkan apabila statistik menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana meningkat sebanyak 111 peratus dalam tempoh setahun. (Kosmo: 2 Oktober 2014)

Menurut statistik, pada tahun 2013 terdapat 7,816 kes jenayah juvana. Lebih merisaukan lagi ialah kes yang membabitkan pelajar sekolah. Tahun 2012 menyaksikan 1,632 kes yang membabitkan golongan ini berbanding dengan 1,042 kes tahun sebelumnya iaitu peningkatan melebihi 57 peratus. (Berita Harian: 4 Mei 2014, Harian Metro: 4 Oktober 2014). Pada tahun 2012 juga terdapat peningkatan sebanyak 47 peratus kes membabitkan remaja di antara umur 12 hingga 17 tahun.

Penularan masalah sosial menjadi perkara yang membimbangkan masyarakat dalam pelbagai lapisan. Begitu juga pelbagai tindakan sama ada bersifat pencegahan mahupun

pemulihan sedang diambil oleh semua pihak. Tidak dinafikan juga terdapat kalangan masyarakat yang tidak endah tentang perkara ini. Namun, kesan daripada masalah ini sebenarnya mampu menggugat ketenangan dan keharmonian masyarakat umumnya.

## **2.1 Definisi Masalah Sosial Remaja**

Menurut *Oxford Dictionary Of Sociology* (1998:62) masalah sosial adalah sesuatu yang bersifat mengikut kepada suatu keadaan yang menyimpang dari segi perangai dan kelakuan manusia yang tidak mempunyai organisasi berkuatkuasa sebagai agen perubah. Manakala, menurut Norfadilah Abdul Rahman & Zakaria Stapa (2014) masalah sosial adalah suatu keadaan penyimpangan perilaku atau akhlak yang bertentangan dari norma kehidupan masyarakat yang melibatkan pelbagai golongan sama ada dari golongan muda ataupun golongan dewasa.

Manakala remaja menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud mulai dewasa, sudah akil baligh, cukup umur, orang yang berumur dalam lingkungan 12 hingga 21 tahun. Menurut Fatimah Yusuf (2015) remaja ialah mereka yang berumur 18 tahun ke bawah. Pada peringkat usia ini, mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi. Justeru, apa-apa sahaja perkara baru yang terjadi di sekeliling mereka, akan mengundang perasaan ingin tahu dalam kalangan remaja. Secara tidak langsung membuatkan mereka terdorong untuk mencuba dan melakukan perkara-perkara tersebut.

Melihat kepada keadaan kepesatan dunia, remaja yang hidup dalam keadaan yang kurang kondusif dan sifat keperibadian yang kurang baik boleh menyebabkan timbulnya berbagai-bagai penyimpangan akhlak dan perbuatan-perbuatan negatif yang melanggar aturan dan norma dalam masyarakat. Ringkasnya masalah sosial remaja ialah suatu keadaan penyimpangan perilaku atau akhlak remaja yang bertentangan dari norma kehidupan masyarakat dan boleh menimbulkan kesan negatif kepada keharmonian masyarakat.

## **2.2 Jenis-Jenis Masalah Sosial Dalam Kalangan Remaja**

Berkaitan dengan jenis-jenis masalah sosial dalam kalangan remaja, Mustapha Man (2004:318) menyatakan bahawa masalah sosial dapat dibahagikan kepada lima bahagian berikut iaitu yang pertama, gejala sosial yang mengancam keselamatan nyawa seperti AIDS/HIV positif, dadah pil *ecstasy*, rogol dan bunuh, samseng jalan raya, dan lumba haram. Kedua, mengancam keselamatan keturunan seperti budaya *coupling*, pengguguran dan pembuangan bayi. Ketiga, penyalahgunaan seks seperti seks bebas, seks sejenis, rogol dan sumbang mahram. Keempat, budaya negatif seperti budaya tidak kisah, tidak minat belajar, lepak, *punk*, lari dari rumah, fitnah, serta unsur lucah dan ganas dalam media. Dan yang kelima, mengancam keselamatan harta seperti judi atau mesin slot, rasuah, politik wang, vandalisme dan pencemaran alam.

Selain itu, perkara yang melibatkan masalah sosial remaja juga telah banyak dibahaskan oleh para pengkaji khususnya yang berkaitan dengan dadah, mat rempit, seks luar nikah dan pornografi. (Husin Bin Junoh, 2011). Aishah (2013) turut menyatakan bahawa remaja terdedah kepada gejala sosial seperti penagihan dadah, arak, lumba haram dan pelacuran. Manakala kes jenayah berat seperti pembunuhan, rompakan bersenjata dan jenayah bersindiket dalam kalangan remaja amatlah kurang ditimbulkan. Isu yang banyak dibahaskan ialah berkaitan kes-kes bukan jenayah berat (Azlina Abdullah, 2010). Kebiasaananya, masalah sosial ini merujuk kepada bentuk penyimpangan kelakuan (*deviant*)

seperti jenayah, juvana, perilaku delikuensi, pelacuran, penyakit mental, ketagihan dadah, dan membunuh diri.

Dalam kajian ini, pengkaji telah membahagikan jenis-jenis masalah sosial remaja kepada tiga bahagian iaitu yang pertama, jenis ringan seperti lari dari rumah, ponteng sekolah dan seumpamanya. Yang kedua, jenis delinkuen atau sederhana seperti zina, buang bayi, dadah dan seumpamanya. Dan yang ketiga pula jenis devian ataupun berat seperti membunuh.

### 2.2.1 Ringan

Masalah sosial yang sering dilakukan oleh remaja masa kini atau dipanggil juga sebagai masalah sosial jenis ringan adalah seperti ponteng sekolah, lari dari rumah, buli dan seumpamanya. Muhammed Sharif Mustaffa et.al (2012) memetik Laporan Disiplin Pelajar Sekolah Malaysia (1991) bahawa ponteng sekolah merupakan salah satu di antara sembilan jenis tingkah laku pelanggaran disiplin oleh pelajar di samping jenis-jenis tingkah laku yang lain. Hasil dari kajian Unit Disiplin Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (1991) didapati bahawa kes ponteng sekolah mencatat peratus kekerapan yang tertinggi dibandingkan dengan kes-kes yang lain iaitu sebanyak 15 peratus. Pada tahun 2007 seramai 21,060 pelajar terlibat dalam masalah ponteng. Implikasi besar yang mungkin wujud akibat masalah ponteng itu menyebabkan Kementerian Pelajaran mengklasifikasikannya sebagai salah laku disiplin paling serius. Rekod Kementerian Pelajaran tahun lalu menunjukkan 21,060 pelajar (0.39%) dikesan ponteng sekolah manakala, 24,840 pelajar (0.46%) pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, statistik 2010 yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes remaja lari dari rumah meningkat dengan mencatatkan angka sebanyak 4,097 remaja yang membabitkan seawal usia 13 hingga 17 tahun. Berdasarkan statistik Jabatan Pengurusan, Cawangan Hal Ehwal Awam Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, secara kiraan rawak, dua daripada tiga laporan kes orang hilang membabitkan wanita. Selain itu, remaja berumur 14 hingga 17 tahun adalah golongan yang paling banyak dilaporkan hilang di negara ini. Remaja perempuan kaum Melayu pula mencatatkan statistik tertinggi hilang berbanding kaum lain, tetapi kelompok itu juga tersenarai dalam kadar tertinggi mangsa yang mudah dijumpai semula. (Harian Metro: 11 Mac 2015)

Selain itu, tabiat merokok dalam kalangan remaja juga semakin membimbangkan kini. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), merokok adalah satu aktiviti ketagihan. Ia secara tidak langsung boleh menyebabkan perokok terbabit terlibat dengan dadah (Ahmad Redzuwan Mohd Yunus :2003, 110). Mengikut statistik di Malaysia, seramai 40 hingga 50 perokok baru dicatatkan setiap hari. Dianggarkan, terdapat 4.7 juta orang merokok pada 2011 dan jumlah itu meningkat daripada 3.1 juta orang pada 2007.

### 2.2.2 Delinkuen

Delinkuen merupakan masalah sosial jenis sederhana yang melibatkan dadah, pembuangan bayi dan seumpamanya. Masalah sosial jenis ini sering dibicarakan oleh masyarakat kerana kebanyakan yang terlibat dalam masalah ini adalah remaja.

### 2.2.3 Devian

Dalam jenis masalah sosial devian, terdapat beberapa penjelasan teori mengenainya. Teori fungsionalisme menganggap devian sebagai disfungsi pada struktur sosial. Teori konflik mengatakan devian merupakan tindakan golongan tertindas terhadap pihak minoriti yang menindas. Teori interaksionisme melihat devian sebagai sesuatu yang subjektif dan merupakan suatu proses sosial. Kajian Tattum (1986) mendapatkan bahawa pelajar sengaja melakukan devian sebagai teknik neutralisasi dalam interaksi mereka.

Kajian mendapatkan, remaja yang terlibat dengan tingkah laku devian dan delinkuen mempunyai konsep kendiri yang rendah. Remaja ini melihat diri mereka dari perspektif yang negatif, penghargaan kendiri yang rendah, tidak mempunyai matlamat tertentu dalam kehidupan, dan kurang memikirkan tentang sumbangan mereka kepada masyarakat (Byrne, et.al 1981). Manakala kajian oleh Wells (1989) pula mendapatkan remaja devian merasakan mereka dapat memperkembangkan konsep kendiri dan penghargaan kendiri dengan melibatkan diri dalam tingkah laku anti sosial dan delinkuen. Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan geram dan melakukan pelbagai tingkah laku devian, dengan tujuan untuk melepaskan rasa tertekan mereka (Muhammed Sharif Mustaffa et.al., 2012).

## 3. Tanggungjawab Pemerintah Menurut Kerangka Siasah Syariyyah

Para fuqaha mentakrifkan siasah syariyyah sebagai tindakan pemerintah terhadap sesuatu perkara kerana sesuatu kemaslahatan walaupun tindakan itu tidak mempunyai dalil pada juzuknya (Abdul Wahab Khallaf, 1982, 18) atau dengan kata lain menguruskan kemaslahatan manusia dengan mengikut ketentuan syarak. Siasah syariyyah ialah ilmu yang membincangkan mengenai pentadbiran sesebuah kerajaan Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem yang berasaskan kepada asas-asas Islam atau mentadbir urusan daulah Islamiah dengan cara yang membawa kebaikan kepada manusia dan mengelakkan daripada kemudaratan, tanpa melanggar sempadan syarak dan asas-asas kulliyyah walaupun dalam perkara yang tidak disepakati oleh ulama mujtahidin (Abdul Wahab Khallaf, 1982).

Abdul Jalil Borham dalam kajiannya (2013) menyatakan perbincangan siasah syariyyah dalam kalangan para fuqaha melibatkan sistem, peraturan dan undang-undang yang diperlukan di dalam mengurus sesebuah negara bertepatan dengan asas-asas agama bagi menjamin pencapaian kemaslahatan kepada manusia, menunaikan segala keperluan mereka dan menjauhkan mereka daripada kemudaratan dunia dan akhirat.

Siasah syariyyah sangat berkait rapat dengan aspek maqasid syariah. Ini kerana tujuan siasah syariyyah adalah untuk melaksanakan maqasid al-syariah iaitu yang terkandung di dalam perkara yang berkaitan dengan *jahl al-masalih* (mendapatkan kemaslahatan kepada manusia) dan *dar' al-mafasid* (menghilangkan kemudaratan daripada manusia). Maqasid al-syariah adalah tujuan Allah menurunkan syariat Islam kepada manusia bagi menjaga agama, jiwa, akal nasab dan harta. Syariat Islam tidak akan disampaikan dan ditegakkan dalam kehidupan manusia melainkan dengan kuasa pemerintahan, terutamanya perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang dan sistem kehidupan manusia (Abdul Jalil Borham, 2013).

Justeru, dalam menangani permasalah sosial yang melanda umat Islam khususnya remaja bermasalah ini, penyelesaian kepada masalah tersebut sewajarnya menjadi

tanggungjawab dan peranan pemerintah menurut kerangka siasah syariyyah. Ini menepati prinsip tanggungjawab pemerintah untuk menjamin maqasid syariah melalui penjagaan lima unsur utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Permasalahan sosial berkait rapat dengan kerosakan terhadap aspek agama, akal dan keturunan yang perlu diatasi secara berkesan melalui kuasa pemerintah. Oleh itu, kajian ini bertujuan meninjau penubuhan pusat pemulihan di bawah kendalian Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan menggunakan kuasanya sebagai pihak berkuasa utama dalam hal ehwal agama Islam sebagai kaedah alternatif dalam menyelesaikan permasalahan sosial remaja yang semakin meningkat kini.

#### **4. Penubuhan Pusat Pemulihan oleh MAIS**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan menurut Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pada awal penubuhannya, fungsi MAIS adalah untuk menasihati DYMM Sultan sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) yang menyatakan seperti berikut:

'Majlis bagi pihaknya dengan kuasa dikurniakan oleh DYMM Sultan bagi sifatnya menjadi Ketua Agama Negeri ini hendaklah menolong dan menasihatkan kepada DYMM Sultan di atas segala perkara yang berkaitan dengan Agama Negeri dan Adat Istiadat Melayu, dan hendaklah di dalam segala perkara-perkara itu menjadi kuasa yang tertinggi sekali di dalam negeri ini melainkan yang ada berlawanan dengan perkara yang tersebut di dalam Undang-undang ini.'

Walau bagaimanapun, pada tahun 2003, fungsi MAIS tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut:

'Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.'

Berdasarkan peruntukan tersebut MAIS mempunyai kuasa dalam pentadbiran agama Islam di negeri Selangor termasuklah menubuhkan pusat perlindungan dan pemulihan bagi menangani gejala kesalahan akidah dan sosial.

Untuk itu, MAIS mempunyai Bahagian Pemulihan Ar-Riqab yang berfungsi menjalankan kuasa berhubung peruntukan dalam enakmen jenayah syariah dan undang-undang yang sedia ada, mengawal selia pusat pemulihan akidah, akhlak dan dadah serta memantau dan menyelaras Rumah Pemulihan Bahagian Ar-Riqab di Negeri Selangor. ([www.mais.net.my](http://www.mais.net.my) 3 November 2015)

Bagi membantu pihak berkuasa menyelesaikan masalah tersebut, pelbagai kaedah alternatif telah dilaksanakan termasuk pendekatan pemulihan di pusat-pusat pemulihan akhlak persendirian di negeri Selangor. MAIS sendiri mempunyai dua buah pusat pemulihan iaitu Pusat Pemulihan Wanita Baitul Ehsan di Sabak Bernam dan Pusat Pemulihan Akidah

Baitul Iman di Ulu Yam. Di samping itu, terdapat 17 buah pusat perlindungan persendirian yang bernaung di bawahnya. Antaranya ialah Raudatussakinah, Rumah Kebajikan PERKID, Baitul Islah PERHID Shah Alam dan Rumah Sahabat SIDIM. Meskipun berbeza dari sudut sasaran pelatih dan bentuk pemulihan yang dijalankan, kesemua pusat ini bertujuan untuk membantu para pelatih ke arah memperbaiki kehidupan mereka. ([www.mais.net.my](http://www.mais.net.my) 3 November 2015)

## 5. Kaedah Pemulihan Masalah Sosial Remaja di Pusat Pemulihan

Fokus kajian ini telah dibuat di dua pusat pemulihan persendirian di bawah seliaan MAIS yang dikenali sebagai Pusat Orkid dan Pusat Mawar. Berdasarkan hasil kajian, kedua-dua pusat pemulihan tersebut menggunakan kaedah pemulihan yang menekankan aspek spiritual dan dalaman pelatih, selain kaedah yang berbentuk fizikal dan kemahiran ilmu. Ia menggabungkan pendekatan spiritual dan fizikal secara holistik bagi membangunkan kekuatan akhlak pelatih. Ini bersesuaian dengan pendapat Salasiah et.al (2012) bahawa antara cara lain menangani masalah sosial adalah dengan menggunakan pendekatan spiritual kerana pendekatan ini didapati lebih berkesan dan amat proaktif dalam menyelesaikan masalah mereka sendiri dengan meletakkan harapan dan pergantungan kepada Allah SWT. Antara kaedah yang utama digunakan oleh kedua-dua sampel pusat pemulihan ini adalah penggunaan modul seperti Modul Transformasi Insan (MTA) dan Modul 5B (berubat, bertaubat, beribadat, berjihad dan bermujahadah) serta pendekatan 3S iaitu psikologi, *syifalogy* dan sentuhan syariat. Modul-modul tersebut menekankan aspek spiritual dan pembangunan dalaman pelatih serta dilaksanakan mengikut tahap dan peringkat pemulihan.

Penekanan kepada aspek kerohanian juga dijadikan asas dalam proses pemulihan pelatih. Aspek kerohanian ditekankan untuk membina kekuatan dalaman pelatih. Amalan kerohanian seperti zikir, selawat dan bacaan al-Quran yang dibuat secara rutin dapat mempercepatkan proses pemulihan pelatih dan menepati kaedah merawat masalah sosial dalam Islam iaitu dengan membaca al-Quran, mengosongkan perut (puasa), *qiyamullail*, mohon keampunan dan rahmat pada waktu sahur dan menghadiri majlis para solihin (Yuseri Ahmad et.al, t.th). Terapi psiko-kerohanian sebegini sangat penting dalam proses pemulihan yang melibatkan pelatih masalah sosial (Mahmood Nazar 2005; Yusof 2008). Oleh itu, pusat perlindungan sangat mementingkan pembangunan spiritual dalam proses pemulihan. Keberkesanan pemulihan bukan diukur dari segi tempoh pemulihan tetapi berdasarkan prestasi akhlak pelatih semasa dan selepas pemulihan. Selain itu, kaedah pemulihan dalam bentuk perubatan (*syifa'*) dengan menggunakan air juga digunakan di pusat pemulihan. Ini kerana air adalah sumber asas kepada perubatan Islam.

Hasil kajian juga mendapati, aspek mental juga diberi penekanan melalui pengisian ilmu kepada para pelatih. Oleh itu, sebagai sebahagian proses pemulihan, pusat pemulihan tersebut telah menyediakan program berjadual yang berkaitan pelbagai aspek ilmu kepada pelatih meliputi ilmu agama, ilmu akademik seperti sains dan matematik serta ilmu kemahiran seperti jahitan, kraftangan dan masakan. Penguasaan kepada ilmu yang pelbagai ini dapat membantu pelatih meneruskan kehidupan selepas tamat tempoh pemulihan.

Selain itu, pusat pemulihan juga menggunakan kaedah kaunseling kelompok, mentor mentee dan usrah dalam proses pemulihan yang dijalankan dengan prinsip kasih sayang dan kebersamaan antara pihak pengurusan dan pelatih. Peranan dan penglibatan ibu bapa juga sangat penting dalam membantu proses pemulihan pelatih. Mereka menekankan keterlibatan dan sokongan ibu bapa dalam modul pemulihan yang dilaksanakan. Proses tarbiah dan

didikan jiwa turut melibatkan ibu bapa pelatih. Pusat perlindungan juga memastikan *bi'ah solehah* dan *qudwah hasanah* diterapkan sebagai kaedah yang penting bagi memastikan keberkesanan proses pemulihan. Kaedah-kaedah tersebut sebenarnya merupakan intipati ibadat yang dianjurkan dalam Islam bagi menangani permasalahan sosial dalam masyarakat (Ariffin Mamat, 2008).

Kesimpulannya, masalah sosial wujud berpunca daripada serangan daripada luar dan konflik dalaman diri. Antara kedua faktor ini, konflik dalaman lebih dominan dan perlu diberi perhatian. Islam menggariskan solusi terbaik dalam menangani masalah insan. Oleh itu, penyelesaian kepada masalah sosial ini mestilah menekankan pendekatan holistik merangkumi sentuhan syariat dan pembangunan dalaman atau spiritual dalam persekitaran yang soleh (*bi'ah solehah*). Kaedah tersebut diterapkan melalui pembentukan pelbagai aktiviti yang meliputi aspek rohani dan fizikal pelatih sepanjang tempoh pemulihan.

## 6. Penutup

Kajian ini merumuskan bahawa tanggungjawab pemerintah adalah sangat penting dalam meninggikan kedudukan Islam dan memartabatkannya melalui pelbagai agensi yang sedia diperuntukkan menerusi undang-undang dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Justeru penubuhan pusat-pusat pemulihan akhlak adalah salah satu kaedah alternatif yang boleh dilaksanakan oleh pemerintah menurut kerangka siasah syariyyah bagi membantu mengatasi masalah sosial remaja di Malaysia. Hasil kajian juga mencadangkan perkara-perkara berikut bagi meningkatkan kaedah menangani masalah sosial remaja ini:

1. Menambah baik modul pemulihan dari aspek kefahaman pelaksana modul terhadap kepentingan misi pusat.
2. Memberi kefahaman kepada pelaksana dan pelatih berkenaan kaedah pemulihan pusat.
3. Memantau kaedah pemulihan yang dilaksanakan di pusat pelindungan secara berkala.

## Rujukan

Abdul Jalil Borham, 2013, Konsep Siasah Syar'iyyah dan Pelaksanaannya Dalam Konteks Malaysia, /kerja kerja dibentang pada Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu dan Cabaran, anjuran Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) pada 21hb Februari 2013

Abdul Wahab Khallaf, 1982, Siyasah Syar`iyyah Aw Nizam al-Daulah Islamiyah Fi Syuun a-Dusturiyah wa al-Kharijiah wa al-Maliyah, Kaherah: Dar al-Ansar.

Azrina Abdullah (2010). Tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad pertama abad 21 di Malaysia. Akademika 78, 3-14

.

Fatimah Yusoff (2006). Gejala Sosial Remaja-Pandangan Dr Fatimah Yusuf (Cahaya Oktober). Tidak dicetak.

Husin Bin Junoh (2011). Faktor keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di daerah Kota Tinggi, Johor: Universiti Malaya. Tesis Phd Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mahmood Nazar Mohamed dkk. (2005). Program pemulihan luar institusi untuk penagih dadah. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Muhammed Sharif Mustaffa et.al (2012) Mengenal Pasti Punca-Punca Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes. Dlm. Journal of Educational Psychology & Counseling. Vol 6.

Norfadilah Binti Abdul Rahman & Prof Dato' Zakaria Bin Stapa. (2014). Pembangunan Kerohanian Berasaskan Al-Muhasibi dalam Menangani Gejala Sosial Masa Kini. Universiti Kebangsaan Malaysia. e-Proceeding of the International Conference on World Conference of Integration Knowledge (WCIK 2014).

Salasiah Hanim Hamjah et.al. (2012). Kaedah Penerapan Ibadah dalam Kaunseling. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salasiah Hanin Hamjah et.al. (2012). Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. Dlm. *Ajilhe* Vol. 4, No.2, Julai 2012.

Yuseri Bin Ahmad Et.Al. (t.th). Peranan Kerohanian Dalam Menangani Gejala Dadah. *Jurnal Anti Dadah Malaysia*. 137-154.